

09/11/1998

Pesta perdagangan Apec tingkat keyakinan

PESTA Perdagangan Antarabangsa Apec Ketiga '98, yang akan diadakan di Pusat Pameran Mines mulai dari Jumaat hingga 16 November ini akan merupakan tempat terbaik bagi ekonomi Apec dan syarikat Malaysia, khususnya, bagi membuktikan ketahanan dalam menghadapi kesukaran ekonomi sekarang.

Pameran itu diadakan serentak dengan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) mulai Khamis hingga 19 November ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pesta perdagangan bertema "Mempertingkatkan Daya Saing Global Melalui Teknologi dan Pembangunan Sumber Manusia", pada 13 November.

Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) selaku tuan rumah kepada pameran perdagangan itu, manakala FMM Services Sdn Bhd dan Reed Exhibitions Sdn Bhd adalah penganjur dan pengurus acara, masing-masing.

Matrade berkata pesta perdagangan itu akan menumpukan kepada teknologi-teknologi baru dan tenaga manusia mahir yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi-ekonomi Apec.

Ia juga memaparkan produk, teknologi dan program berkaitan dengan "kesediaan darurat" untuk membangun kepakaran di bidang krisis alam sekitar di rantau ini.

Matrade menjangka pesta itu akan menarik kira-kira 20,000 pengunjung, termasuk pembeli-pembeli perdagangan dari seberang laut.

"Ia akan merupakan tempat yang terbaik bagi ekonomi APEC untuk menggalakkan produk, perkhidmatan dan teknologi mereka," kata seorang pegawai Matrade.

Sebanyak 60 syarikat Malaysia dan peserta pameran daripada semua ekonomi anggota mengesakan penyertaan mereka di dalam pesta perdagangan itu.

Antara firma Malaysia ialah Petronas, DRB-Hicom Group, Telekom Malaysia Bhd, Golden Hope Plantations, Renong Group, Southern Bank Bhd, Celcom Malaysia Sdn Bhd dan Nestle Products Sdn Bhd.

Tempat pameran itu, akan dibuka kepada pengunjung perdagangan mulai jam 10 pagi hingga 7 malam setiap hari dan kepada orang ramai mulai jam 4 petang hingga 7 malam setiap hari.

Antara produk dan perkhidmatan yang akan dipromosikan termasuk alat dan komponen komputer berteknologi tinggi, keluaran makanan, perabot, produk perbankan, alat-alat automotif dan perkhidmatan perundingan kejuruteraan.

(END)